

TAHAP KEPUASAN SISWA GURU TERHADAP KEMUDAHAN SUKAN DI IPG KAMPUS ILMU KHAS, KUALA LUMPUR

Nurhasni binti Mohd Noor & Aris Fazil bin Hj Ujang, Phd

ABSTRAK

Kajian kes tahap kepuasan siswa guru terhadap kemudahan sukan merupakan aspek penting yang perlu dikaji oleh sesebuah Institut Pendidikan Guru (IPG). Siswa guru merupakan pelanggan yang perlu dipenuhi kehendak mereka bagi menjamin keselesaan dan pemangkin kepada pembangunan sukan dan gaya hidup sihat di IPG. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh mana tahap kepuasan siswa guru terhadap kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh IPG Kampus Ilmu Khas dari aspek kemudahan sukan untuk pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti sukan. Seramai 158 orang responden telah menjawab soal selidik ini. Kajian ini merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen bagi memperolehi data kajian. Hasil daripada analisis data kajian menunjukkan bahawa hanya 1 item yang memperolehi tahap tinggi manakala 6 item kemudahan ditahap sederhana serta 3 item ditahap rendah. Dapatkan kajian ini memberi maklumat yang menyeluruh kepada pihak pengurusan IPG Kampus Ilmu Khas untuk membuat penambahbaikan dalam meningkatkan kualiti kemudahan sukan yang disediakan kepada pelajar.

Kata Kunci: Siswa guru, kemudahan sukan, pengajaran dan pembelajaran